

# Kumpulan marhaban USIM

Ungguli pertandingan  
Marhaban Jemputan

KUMPULAN marhaban dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), mengungguli pertandingan Marhaban Jemputan anjuran Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), baru-baru ini.

Kumpulan 13 pelajar yang menamakan mereka sebagai Intracksee menewaskan empat pasukan lain yang turut memberi saingan.

Ahli kumpulan Intracksee, Muhammad Alif Omar Abdul Jalil berkata, kemenangan itu bukan sahaja mengharumkan nama baik universiti, malah membantu menjalinkan ukhuwah sesama pelajar dari universiti lain.

"Kami memberikan komitmen terbaik untuk memenangi pertandingan. Di samping menjalani sesi latihan yang cukup konsisten dan padu, kami turut memastikan marhaban menepati konsep asli di mana tiada percampuran unsur seperti Hindustan, Melayu klasik dan kontemporari serta qiraat yang telah disepakati.

"Setiap kumpulan bermula dengan berzanji dan kami diminta menggunakan rawi yang telah disediakan bagi memulakan pertandingan. Sejurus

selepas itu, barulah peserta boleh untuk mengalunkan irama marhaban dan juga qasidah," katanya.

Dengan pungutan markah 90 mata, pasukan Intracksee USIM diumumkan sebagai johan pertandingan diikuti naib johan yang disandang pasukan tuan rumah iaitu kumpulan Marhaban Al-Fateh dari UPNM yang memperoleh 83 markah. Tempat ketiga pula menjadi milik kumpulan Shoutul Mizan dari Putrajaya dengan pungutan markah 75 mata.

Pertandingan tersebut memberi persepsi baharu kepada masyarakat bahawa persembahan marhaban kini menjadi pilihan generasi muda khususnya pelajar IPT untuk terus memelihara keunggulan agama Islam yang menjadi sebahagian amalan budaya masyarakat Melayu.

Kumpulan Intracksee sebelum ini turut memenangi pertandingan Marhaban Festma di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan johan Festival Nasyid, Berzanji dan Marhaban peringkat zon Seremban.

